

**Rafizi mungkin kalah rebut naib presiden PKR, peluang
Shamsul cerah
Malaysian Insider
July 9, 2014
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli terkeluar daripada senarai empat teratas calon naib presiden PKR apabila berada di belakang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Andalas Dr Xavier Jayakumar.

Keputusan rasmi sehingga 28 Jun itu menunjukkan Xavier mendahului Rafizi dengan 126 undi apabila Xavier memperoleh 17,587 undi manakala ahli Parlimen Pandan itu memperoleh 17,61 undi.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, yang juga penyandang kerusi naib presiden Nurul Izzah Anwar kekal mendahului dengan 27,031 undi meninggalkan Ahli Parlimen Batu Chua Tian Chang yang memperoleh 20,480 undi.

Keputusan berkenaan turut menunjukkan Ahli Parlimen Bukit Katil Shamsul Iskandar Mohd Akin berjaya berada di kedudukan ketiga teratas, apabila memperoleh 18,777 undi.

Keputusan berkenaan adalah dari 195 cabang daripada 198 cabang PKR seluruh negara.

Cabang Kelana Jaya dan Puchong masih lagi belum melalui proses pengundian, manakala keputusan cabang Pensiangan masih lagi belum disahkan setakat ini.

Proses pemilihan terakhir PKR dijangka berlangsung pada 10 Ogos.

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Pusat (JPP) PKR Datuk Johari Abdul berkata, keputusan penuh pemilihan kali ini hanya akan didedahkan pada Konvensyen Nasional PKR di Shah Alam pada 22 hingga 24 Ogos depan. – 9 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rafizi-mungkin-kalah-rebut-naib-presiden-pkr-peluang-shamsul-cerah#sthash.L4O5by1l.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rafizi-mungkin-kalah-rebut-naib-presiden-pkr-peluang-shamsul-cerah>